

## **Kritikan Sosial dalam Skrip Monodrama Menunggu Lampu Hijau Karya Hatta Azad Khan**

*Social Criticism in Monodrama Script Menunggu Lampu Hijau by Hatta Azad Khan*

Nur Farzana Binti Amali  
<sup>1</sup>Nur Afifah Vanitha Binti Abdullah

Program Persuratan Melayu  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: zanaamali@gmail.com  
<sup>1</sup>nurafifah@ukm.edu.my

### **ABSTRAK**

*Kertas kerja ini bertujuan untuk menganalisis kritikan sosial dalam skrip monodrama Menunggu Lampu Hijau. Karya ini telah dihasilkan oleh Hatta Azad Khan pada tahun 2015. Tema utama karya skrip ini adalah tentang poligami dalam kalangan masyarakat Melayu. Kritikan sosial masyarakat dalam karya seni merupakan salah satu cara dimana seorang pengarang membuat penelitian terhadap sosial kehidupan masyarakat dari persektif sebagai pengarang. Begitu juga dalam kajian ini, objektif atau fokus utamanya adalah bagi mengenal pasti beberapa kritikan sosial masyarakat yang cuba diketengahkan pengarang melalui skrip monodrama Menunggu Lampu Hijau. Kajian ini hanya menggunakan kaedah kualitatif semata-mata. Oleh demikian hasil dapatan adalah terdapat beberapa kritikan yang dapat ditonjolkan seperti kritikan terhadap masyarakat yang menyalahgunakan poligami, kritikan terhadap lelaki yang tidak bertanggungjawab, kritikan terhadap wanita bekerjaya yang tidak jalankan tanggungjawab dalam rumahtangga, kritikan terhadap masyarakat yang memandang serong kepada golongan ibu tunggal atau janda, kritikan terhadap masyarakat yang tidak menitikberatkan agama dalam kehidupan dan kritikan terhadap masyarakat yang sering mencampuri hal orang lain. Secara amnya kesemua kritikan sosial terhadap masyarakat yang dibincangkan dalam kajian ini pada asasnya adalah berlandaskan daripada teori sosiologi sastera.*

*Kata kunci: kritikan sosial, masyarakat Melayu, kritikan drama, poligami, monodrama.*

### **ABSTRACT**

*The aim of this paper is to analyses about the social criticism in monodrama script Menunggu Lampu Hijau. This script is one of literature writing that was written by Hatta Azad Khan in 2015. The main theme of this script is about polygamy among the Malay society. The social criticism of the society in the literature work is one way of how the author made his observation on the society's social life based on the perspective of an author. Also on this study, the main objective and focus are to identify some social criticism of the society that was highlighted by the author on monodrama script Menunggu Lampu Hijau. Qualitative method was used in this study. The study found that there are a lot of criticism in the script. The criticism written are towards people who misused the rights to practice polygamy, irresponsible men, irresponsible women in household matter, society who looks down on single mothers and divorcee, people who does not practice religion wholefully also, towards*

*people who loves to interfere in others lives. In conclusion, all the social criticism that was discussed in this paper are based on sociology of literature theory.*

*Keywords: social criticism, Malay society, drama criticism, polygamy, monodrama.*

## 1. Pengenalan

Hatta Azad Khan merupakan seorang seorang pengkarya tanah air yang telah memenangi S.E.A Award di Thailand pada tahun 2003. Beliau terlibat dalam pelbagai bidang seni termasuklah teater, seni halus, komunikasi, pengarah, sinografi dan filem. *Menunggu Lampu Hijau* merupakan antara skrip hebat yang pernah dihasilkan oleh Hatta sebagai seorang karyawan. Skrip ini telah dibukukan dalam buku yang bertajuk OTG. Selain daripada skrip *Menunggu Lampu Hijau* buku ini turut memuatkan beberapa skrip yang lain seperti *Prakata*, *“My Honey”*, *Ahlong dan Kak Long*, *Sarjana Muda Seni Kepujian (Gagal)* atau *“B.A.Honours (Failed)”*, dan OTG.

Secara amnya, skrip monodrama *Menunggu Lampu Hijau* ini bertemakan tentang kekeluargaan dan budaya poligami dalam kalangan masyarakat Melayu di Malaysia. Ia secara ringkasnya menceritakan tentang beberapa peristiwa dan konflik yang terjadi kepada keluarga besar Ahmad Bukhari. Kesemua kejadian yang berlaku didalam skrip ini adalah realiti yang berlaku dalam masyarakat pada hari ini. Justeru, kajian ini mengfokuskan tentang kritikan sosial terhadap masyarakat dalam karya skrip monodrama *Menunggu Lampu Hijau* karya Hatta Azad Khan. Kesemua kritikan sosial yang dibincangkan ini adalah berlandaskan daripada perspektif kaca mata Hatta sebagai seorang pengarang.

Aspek kritikan sosial yang dibincangkan dalam kajian ini adalah seperti kritikan sosial terhadap masyarakat yang menyalahgunakan poligami, kritikan terhadap lelaki yang tidak bertanggungjawab, kritikan terhadap wanita bekerja yang tidak jalankan tanggungjawab dalam rumahtangga, kritikan terhadap masyarakat yang memandang serong kepada golongan ibu tunggal atau janda, kritikan terhadap masyarakat yang tidak menitikberatkan agama dalam kehidupan dan kritikan terhadap masyarakat yang sering mencampuri hal orang lain.

## 2. Tinjauan Literatur

Sosiologi dalam Filem *Lelaki Harapan Dunia* merupakan kajian latihan ilmiah dalam aspek filem yang telah dihasilkan oleh Dayang Nurfarhana Binti Abang Kusairi (2017). Kajian tersebut telah membincangkan mengenai kritikan sosial dalam filem tersebut. Kritikan yang diketengahkan adalah merangkumi daripada beberapa aspek utama dalam teori sosiologi sastera. Aspek berikut adalah seperti aspek ekonomi, politik dan sosial dalam masyarakat Melayu khususnya.

Kajian seterusnya adalah bertajuk *Sosiologi dalam Filem Werewolf* dari Bangladesh. Ia merupakan sebuah kajian ilmiah yang telah dihasilkan oleh Suraidah Binti Ambok Mangkek (2017). Pengkaji telah memilih filem arahan oleh pengarah terkemuka negara iaitu Mamat Khalid. Aspek yang difokuskan adalah kritikan-kritikan sosial dan juga sinikal pengarah dalam mengangkat watak warga Bangladesh sebagai watak utama. Selain itu, ia turut membincangkan adakah kritikan yang dibincangkan tersebut ditujukan kepada masyarakat Melayu umumnya ataupun sebaliknya.

Selain itu, Madzlan Bin Abet (2016) pula mengkaji tentang Pemikiran Hatta Azad Khan dalam Teks Drama Muzikal *Kampung Baru*. Kajian ini menggunakan Teori Marxisme

dengan pendekatan Model Pencerminan yang bertujuan melihat pemikiran Hatta Azad Khan dalam teks drama tersebut. Hasil kajian mendapati bahawa teks drama tersebut merupakan refleksi kepada kisah sebenar tentang masyarakat di Kampung Bharu, Kuala Lumpur.

### **3. Metodologi**

Penelitian kajian ini hanya menggunakan kajian kualitatif sepenuhnya. Kajian kualitatif adalah suatu proses inkuri interpretatif untuk memahami isu atau masalah sosial yang meneliti keunikan kritikan persekitaran kajian (Shaiful Bahri Md. Radzi 2018). Dalam mendapatkan maklumat mengenai kajian ini, pengkaji menjalankan pendekatan kajian perpustakaan dan melaksanakan pengumpulan data di beberapa perpustakaan iaitu di Perpustakaan Tun Seri Lanang, Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu, Perpustakaan Pusat Bitara Melayu dan sebagainya. Kaedah ini adalah sangat penting kerana ia merupakan kaedah utama yang telah digunakan bagi mendapatkan buku-buku rujukan, fakta dan ulasan mengenai teori serta perbincangan yang bersesuaian dengan tujuan kajian.

Selain itu, kaedah temu bual juga digunakan dalam menjalankan kajian ini. Sesi ini melibatkan temu bual bersama dengan pengkarya skrip monodrama *Menunggu Lampu Hijau* iaitu Hatta Azad Khan. Beberapa persoalan yang berkaitan dengan kajian telah ditujukan kepada Hatta Azad Khan melalui sesi temu bual secara atas talian. Cara yang dilaksanakan ini adalah memudahkan dan banyak membantu dalam mendapatkan maklumat kajian. Segala informasi yang diperolehi adalah secara terus kerana tidak melalui atau merujuk daripada pihak lain.

### **4. Dapatan dan Perbincangan**

Bahagian ini akan menerangkan tentang hasil dapatan dan perbincangan bagi kajian ini. Ia adalah mengenai kritikan sosial terhadap masyarakat dalam beberapa aspek. Contohnya ialah seperti kritikan sosial terhadap masyarakat yang menyalahgunakan poligami, kritikan terhadap lelaki yang tidak bertanggungjawab, kritikan terhadap wanita bekerjaya yang tidak jalankan tanggungjawab dalam rumahtangga, kritikan terhadap masyarakat yang memandang serong kepada golongan ibu tunggal atau janda, kritikan terhadap masyarakat yang tidak menitikberatkan agama dalam kehidupan dan kritikan terhadap masyarakat yang sering mencampuri hal orang lain. Kesemuanya disertakan dengan contoh petikan skrip beserta dengan penjelasan bagi setiap satunya.

#### **4.1 Kritikan terhadap masyarakat yang menyalahgunakan poligami**

Fenomena poligami bukan lagi suatu perkara baharu yang sering dibincangkan dalam kalangan masyarakat sehingga ke hari ini. Poligami merupakan satu amalan sosial masyarakat yang dikatakan dibenarkan dalam agama Islam khususnya. Walaubagaimanapun, pologami ini bukan sesuatu yang dapat dilaksanakan dengan sesuka hati tanpa mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Islam itu sendiri. Terdapat beberapa syarat yang harus dipatuhi dan dipersetujui sebelum melakukan sebarang proses dalam berpoligami atau bahasa mudahnya ialah memiliki lebih daripada seorang isteri secara sah. Perkara ini dinyatakan dalam al-Quran dalam surah al-Nisa' ayat 3 yang bermaksud:

Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim (apabila kamu berkahwin dengan mereka), maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja, atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki. Yang demikian itu adalah lebih dekat (untuk mencegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman.

(Al-Nisa: 3)

Berdasarkan maksud ayat al-Quran tersebut, ini menjelaskan bahawa seseorang itu dibolehkan untuk mengamalkan pologami sekiranya dapat memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan iaitu mampu dan sentiasa berlaku adil terhadap para isterinya. Hal ini dikatakan penting kerana itu adalah sebahagian daripada tanggungjawab suami dan bagi mengelakkan melakukan kezaliman kelak terhadap isteri.

Walau bagaimanapun, masyarakat pada masa kini dilihat telah menyalah tafsir mengenai poligami ini terutamanya dalam kalangan masyarakat Melayu. Mereka beranggapan bahawa poligami ini adalah dibenarkan kerana merupakan sunnah Nabi Muhammad yang harus diikuti. Namun, kebanyakannya hanya tahu melaksanakannya tanpa jelas dengan syarat-syarat dan keperluan yang wajib dipatuhi. Ini menjadikan ia sebagai satu budaya yang tidak asing dan biasa dalam masyarakat. Budaya ini dapat diungkapkan dalam skrip monodrama *Menunggu Lampu Hijau* karya Hatta Azad Khan melalui beberapa konflik di antara watak-watak dalam skrip tersebut.

Isu poligami yang dapat diketengahkan adalah melalui watak bapa kepada Ahmad Bukhari iaitu Yatim. Beliau mengambil keputusan untuk melaksanakan poligami dengan berkahwin baru bersama dengan dua orang wanita muda yang berasal dari Kelantan dan Thailand. Tindakannya itu telah dilakukan tanpa pengetahuan oleh sesiapaapun. Ini adalah termasuklah isterinya sendiri Cik Sepia dan anak-anaknya yang lain. Beliau telah berbuat demikian sewaktu aktif menjalankan aktiviti kebajikan Islam di Kelantan dan Selatan Siam. Yatim dikatakan telah mengkhianati isterinya kerana telah melakukan poligami di luar pengetahuan isteri dan keluarganya. Seramai dua orang isteri telah dikahwininya dalam tempoh yang singkat. Perkara ini dapat disokong melalui petikan skrip berikut.

AHMAD BUKHARI : ...“Saya teringat kisah abah selepas pencen. Abah aktif dalam gerakan kebajikan Islam. Buat korban dan akikah di Selatan Siam dan Kelantan. Abah ajak mak ikut tapi mak tak mahu, dia lebih selesa di rumah. Abah ulang-alik ke Kelantan dan Selatan Siam. Mak mengadu pada abang, tapi kata abang, biarlah dia buat kebajikan asalkan dia bahagia. Rupanya memang abah cukup bahagia. Dalam sibuk buat amal jariah, abah bina dua buah surau gelap. Tidak siapa yang tahu, tak siapa yang menduga. Timbul juga rasa marah...”

(Hatta Azad Khan, 2015: 164)

Yatim didapati tidak melaksanakan tanggungjawabnya sebagai seorang suami dengan sempurna. Ini adalah kerana Cik Sepia pernah mengadu masalah terhadap anaknya bahawa suaminya hanya sibuk dengan halnya sendiri tanpa mempedulikannya. Dalam masa yang sama Yatim telah bertindak memperdayakan kepercayaan isterinya iaitu menganggap beliau selama ini meluangkan masa dengan kerja kebajikan sahaja. Namun sebaliknya telah

menikahi wanita lain tanpa pengetahuan isterinya. Ini jelas menonjolkan sifat tidak bertanggungjawabnya itu kelihatan apabila beliau tidak dapat berlaku adil sebagai seorang suami yang menjalankan pologami. Walhal, dalam Islam telah menekankan bahawa poligami hanya boleh dilakukan apabila seseorang suami itu meletakkan nilai keadilan dalam rumahtangga. Penulis sebenarnya hendak memperlihatkan bagaimana situasi apabila seorang suami bersikap tidak menjalankan amanah dengan baik. Hakikatnya dalam masa yang sama penulis ingin menunjukkan bahawa watak Yatim sebagai seorang yang menyalah gunakan dan tidak memahami konsep berpoligami yang sebenar. Inilah realiti yang sebenar dalam masyarakat masa kini.

#### 4.2 Kritikan terhadap lelaki yang tidak bertanggungjawab

Setiap manusia atau individu mempunyai tanggungjawab mereka yang tersendiri. Tidak kiralah terhadap Tuhan, diri sendiri mahupun orang lain. Secara ringkasnya ini bererti mereka haruslah melaksanakan segala tugas yang dipertanggungjawabkan dengan penuh rasa amanah tanpa merasa beban. Ini adalah bagi memastikan segala perkara tidak mendatangkan kezaliman pada kemudiannya. Walaubagaimanapun terdapat segelintir individu yang tidak dapat melaksanakannya dengan baik. Dalam skrip monodrama *Menunggu Lampu Hijau*, Hatta Azad Khan mengetengahkan kritikan mengenai lelaki yang tidak bertanggungjawab ini menerusi watak bekas suami kepada Kak Gaya. Watak tersebut yang didapati sebagai seorang lelaki yang tidak menjalankan tugas dan tanggungjawab kepada isteri dan anak-anaknya.

Isu ini timbul apabila Kak Gaya mendakwa bahawa bekas suaminya itu adalah seorang individu yang tidak berlaku adil dalam hubungan rumahtangganya. Hal ini adalah disebabkan oleh dia gagal dalam memberikan nafkah zahir dan batin terhadap Kak Gaya. Sebaliknya bekas suaminya itu turut bertindak berlaku curang terhadapnya secara terang-terangan bersama dengan wanita lain. Dalam masa yang sama dia juga adalah seorang bapa yang tidak bertanggungjawab terhadap amanah Tuhan iaitu anak-anak yang diberikan kepadanya sebagai seorang bapa. Kenyataan ini dapat disokong menerusi keratan skrip yang berikut.

AHMAD BUKHARI sebagai KAK GAYA: Akak ibu tunggal, suami akan garang, jahat. Dia bawa *girlfriend* balik rumah dan tidur dalam bilik. Akak jadi macam tunggal, diam tak berkata. Bila dia nak kawin dengan perempuan tu, dia halau kakak dan anak keluar dari rumah.

(Hatta Azad Khan, 2015: 136)

Berdasarkan petikan skrip yang diambil daripada skrip monodram *Menunggu Lampu Hijau* diatas, ini membuktikan bahawa kenyataan dimana yang bekas suami Kak Gaya sememangnya seorang individu yang tidak bertanggung dalam menjalankan amanah yang diberikan kepadanya. Tidak kiralah terhadap isteri dan mahupun juga anak-anaknya. Dia digambarkan sebagai seroang lelaki yang tidak berperikemanusiaan kerana bertindak kejam dan tidak adil terhadap hak isteri dan anak-anaknya. Dia telah bertindak dengan menghalau mereka keluar daripada rumah tanpa rasa belas kasihan dan mengabaikan tanggungjawabnya sebagai ketua atau pemimpin dalam sebuah institusi kekeluargaan. Sikap sedemikianlah yang penulis cuba tekankan bagi membayangkan golongan masyarakat yang tidak menjalankan amanah yang ditanggungjawabkan dengan baik.

#### **4.3 Kritikan terhadap wanita bekerjaya yang tidak menjalankan tanggungjawab dalam rumahtangga**

Wanita bekerjaya merupakan bukan merupakan suatu perkara yang asing pada era ini. Hal ini kerana ia turut memainkan peranan penting dalam melahirkan generasi yang serba boleh. Secara tidak lansung ia turut dapat memberi sumbangan kepada keluarga, komuniti dan negara. Dalam Islam sendiri turut tidak menghalang atau mengharamkan seseorang wanita untuk menjadi seorang yang berkerjaya namun dengan bersyarat. Menurut ‘Adawiyah Ismail dan Salasiah Hanin Hamjah (2012), wanita bekerjaya mestilah terikat dengan beberapa syarat iaitu kerjaya itu dibenarkan oleh syarak atau tidak diharamkan, beriltizam dengan etika wanita muslimah dan kerjaya tersebut mestilah tidak mengorbankan kewajipan-kewajipan lain yang tidak harus diabaikan.

Namun begitu, dalam skrip monodrama *Menunggu Lampu Hijau* pengarang cuba mengetengahkan realiti golongan wanita bekerjaya yang tidak menjalankan tanggungjawab utama terutamanya hal rumahtangga. Kritikan ini dapat dikenalpasti melalui watak Syarifah Edora iaitu isteri kepada Profesor Syed Mahfuz. Petikan skrip berikut menunjukkan tentang contoh kritikan yang dimaksudkan.

AHMAD BUKHARI sebagai PROFESOR SYED MAHFUZ: Kari, kau tahu tak aku kesunyian! Akak kau siang malam sibuk dengan restoran nasi Arab dia. Kadang- kadang aku rasa dunia ni begitu luas, tapi aku berjalan sorang- sorang, aku tak tahu ke mana arah dan tujuan ...

(Hatta Azad Khan, 2015: 131)

Berdasarkan petikan skrip tersebut, jelas menunjukkan bahawa Syarifah Edora merupakan seorang wanita yang bekerja. Hal ini kerana dia memiliki perniagaannya yang sendiri. Dia bertindak tidak memperdulikan suaminya kerana sibuk dengan kerjayanya itu. Namun begitu seperti apa yang dinyatakan dalam keratan skrip memperlihatkan bahawa suaminya telah menyatakan rasa kesal terhadap dirinya. Puncanya adalah dia telah mengabaikan tugas sebagai seorang isteri. Ia adalah merangkumi sikapnya yang tidak menjalankan tanggungjawab dalam rumahtangga menurut Islam. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, tidak salah jika seseorang wanita itu hendak bekerjaya, namun asalkan tidak melanggar syarat yang sepatutnya. Realiti sebegini bukanlah suatu yang tidak biasa dalam kalangan masyarakat. Oleh atas faktor itulah Hatta Azad Khan mengetengahkan kritikan wanita bekerjaya yang tidak sensitif dengan tanggungjawab dalam rumahtangga melalui skrip monodrama *Menunggu Lampu Hijau*.

#### **4.4 Kritikan terhadap masyarakat yang memandang serong terhadap golongan ibu tunggal atau janda**

Status seorang wanita ibu tunggal atau janda sering dipandang serong oleh masyarakat pada hari ini. Lebih-lebih lagi apabila mereka mendapat gelaran tersebut disebabkan oleh cerai hidup oleh bekas suaminya. Isu ini bukan suatu yang baru dalam kalangan masyarakat kerana ia dilihat sebagai suatu yang biasa sekiranya status tersebut membuatkan mereka dianggap hina dan rendah dalam sesebuah kelompok masyarakat itu. Malah ada di antara mereka yang dipinggirkan disebabkan oleh alasan yang tidak munasabah misalnya. Kritikan terhadap perkara ini diketengahkan oleh Hatta Azad Khan dalam karya skrip monodramanya iaitu *Menunggu Lampu Hijau* memperlihatkan majoriti masyarakat

Melayu sememangnya merendah-rendahkan dan meletakkan persepsi buruk kepada golongan ibu tunggal. Hal ini dapat dibuktikan melalui watak Cik Sepia yang memandang serong terhadap isteri-isteri Ahmad Bakti.

Watak Cik Sepia digambarkan sebagai seorang wanita tidak dapat menerima bahawa anaknya iaitu Ahmad Bakti adalah seorang individu yang sering memperjuangkan segala hal dan hak yang berkaitan dengan ibu tunggal. Ini termasuklah dengan sanggup berkawin secara rela tanpa paksaan bersama dengan empat orang ibu tunggal atau janda dalam tempoh satu tahun. Ibu tunggal tersebut ialah Norma, Habibah, Rozita dan Rugayah atau Gaya. Kesemua mereka mempunyai latar belakang yang berbeza-beza, ada yang bercerai mati dan ada juga yang bercerai hidup. Walau bagaimanapun, kesemua mereka tidak diterima sebagai seorang menantu oleh Cik Sepia hanya kerana status mereka ibu tunggal dan bukannya anak dara. Kritikan yang cuba dibawa oleh penulis mengenai isu ini dapat ditonjolkan berdasarkan petikan skrip berikut.

AHMAD BUKHARI : ... Abang cuma menikahi ibu tunggal sahaja. Ertinya janda yang ada anak. Janda berhias atau janda tak beranak dia tak sentuh. Golongan ini lebih mudah dapat jodoh kerana tak ada *extra baggage*. Abang jadi kesayangan seluruh ibu tunggal tapi dijadikan musuh oleh semu akaum isteri terutama mak Datin. Mak pernah marah dan halau dia keluar rumah ...

(Hatta Azad Khan, 2015: 136)

AHMAD BUKHARI : ... Isteri abang Bakri dan abang Badri pun menyampah dengan dia dan cukup tak suka bila nampak dia datang. Kalau dia telefon nak cakap dengan abang pun dia orang tak layan. Lima tahun abang berjuang ...

(Hatta Azad Khan, 2015: 136-137)

AHMAD BUKHARI sebagai KAK GAYA : ... Kalau dah jadi janda macam-macam gelaran kita dapat, orang sentiasa pandang serong...

(Hatta Azad Khan, 2015: 144)

Berdasarkan petikan skrip diatas, jelas menunjukkan bahawa penulis ingin membuktikan bahawa bukan sikap ini tidak hanya ada dalam diri Cik Sepia namun terhadap menantu-menantu perempuannya yang lain. Ini menjelaskan bahawa kebanyakan masyarakat Melayu khususnya wanita yang berkahwin dikatakan cukup anti dengan golongan yang bergelar ibu tunggal atau nama lainnya janda. Mereka beranggapan bahawa golongan ini adalah kelompok manusia yang hina dan tidak seharusnya diterima dalam sesebuah masyarakat. Pandangan sedemikian bukan suatu yang aneh lagi dalam masyarakat Melayu pada hari ini.

Selain itu, berkenaan dengan isu ibu tunggal atau janda, kelompok tersebut juga telah didiskriminasikan oleh masyarakat berbanding dengan lelaki berstatus duda. Sungguhpun taraf diantara mereka adalah sama dan tidak berbeza jika hendak dibandingkan. Penulis ingin menerangkan bahawa masyarakat telah merendahkan ibu tunggal atau janda apabila sekiranya seseorang itu berkahwin dengan wanita janda itu seolah-olah dikatakan sebagai satu kesalahan dan jika melibatkan lelaki duda adalah sebaliknya. Kritikan ini dapat

dikenalpasti dalam kenyataan oleh watak Kak Gaya yang merupakan isteri keempat Ahmad Bakti. Bukti contoh isu tersebut adalah melalui skrip berikut.

AHMAD BUKHARI sebagai KAK GAYA : ... Orang kita ni, mana nak suka kawin dengan janda, tambah kalau janda dah beranak-pinak. Anak-anak tu orang putih kata extra banggagel! Anak teruna mana nak kawin dengan janda, marah mak bapak. Yang selalu nak ...

(Hatta Azad Khan, 2015: 143)

AHMAD BUKHARI sebagai KAK GAYA: ... Kalau dah jadi janda macam-macam gelaran kita dapat, orang sentiasa pandang serong. Kalau lelaki duda taka da masalah, orang pandang macam biasa. Kalau ada kerja elok ada harta, ada haya, mak bapak pun tawarkan anak dara. Itulah bezanya antara janda dan duda!

(Hatta Azad Khan, 2015: 144)

Berdasarkan petikan skrip monodrama tersebut, Hatta Azad Khan cuba menunjukkan kritikan sosial bahawa masyarakat Melayu ini sememangnya mendiskriminasi golongan janda berbanding dengan kelompok duda. Terutamanya yang melibatkan hal-hal atau perkara yang berkenaan dengan perkahwinanan khususnya. Tanggapan negatif yang cuba diketengahkan dan digambarkan oleh penulis berkenaan kritikan ini adalah bukan perkara yang asing lagi dalam hakikat sosial kehidupan masyarakat Melayu.

#### **4.5 Kritikan terhadap masyarakat yang tidak menitikberatkan agama dalam kehidupan**

Pegangan agama yang kukuh perlu ada dalam diri setiap manusia tanpa mengira darjat seseorang itu. Sekiranya tidak sedemikian, maka kehidupannya tidak lagi berada dilandaskan agama yang sebenar. Begitu juga dengan jati diri sebagai seorang yang beragama Islam khususnya. Jika hendak membincangkan tentang Islam, sudah pasti ia merangkumi skop yang besar. Aspek yang asas yang harus dipatuhi adalah mengerjakan segala perintah Allah dan meninggalkan laranganNya. Kritikan yang cuba difokuskan oleh Hatta Azad Khan dalam skrip *Menunggu Lampu Hijau* mengenai agama dalam kehidupan ini adalah berkenaan dengan masyarakat yang tidak menitikberatkan agama dalam kehidupan seharian termasuklah tentang melakukan penzinaan seperti konflik yang terjadi dalam watak Kak Gaya.

Isu tersebut dapat digambarkan oleh penulis melalui bahagian yang dimana watak Kak Gaya telah mendakwa bahawa bekas suaminya telah melakukan perbuatan keji tersebut semasa mereka masih dalam hubungan suami isteri yang sah. Peristiwa tersebut adalah melalui petikan skrip daripada skrip monodrama *Menunggu Lampu Hijau* yang dinyatakan dibawah ini.

AHMAD BUKHARI sebagai KAK GAYA: Akak ibu tunggal, suami akan garang, jahat. Dia bawa 'girlfriend' balik rumah dan tidur dalam bilik. Akak jadi macam tunggal, diam tak berkata. Bila dia nak kawin dengan perempuan tu, dia halau kakak dan anak keluar dari rumah.

(Hatta Azad Khan, 2015: 136)



Melalui skrip monodrama yang diberikan diatas ini, sudah jelas menerangkan bahawa bekas suami kepada Kak Gayah sememangnya melakukan zina bersama dengan wanita yang tidak halal baginya tanpa rasa malu dan bersalah. Ini sudah cukup membuktikan bahawa sekiranya seseorang itu berani melakukan zina, mereka telah memberi refleksi yang negatif terhadap pegangan agama yang sebenar dalam kehidupannya. Secara tidak langsung ini telah menggambarkan segelintir masyarakat pada masa kini yang tidak lagi menitikberatkan syaria Islam dan melanggar perintah agama.

Selain itu, jika hendak membicarakan mengenai masyarakat yang tidak menitikberatkan agama dalam kehidupan, ia turut dapat dilihat menerusi watak Profesor Syed Mahfuz seperti yang digambarkan oleh Hatta Azad Khan sebagai penulis bagi karya skrip monodrama *Menunggu Lampu Hijau*. Beliau merupakan seorang ahli akademik yang berjaya dan dihormati oleh orang lain. Namun begitu, beliau tidak menunjukkan penampilan sebagai seorang muslim yang harus dicontohi. Hal ini adalah kerana beliau banyak menghabiskan masa dengan aktiviti yang dianggap tidak berfaedah dan melalaikan menurut ajaran agama Islam. Perbuatan tersebut adalah apabila sering meluangkan masa yang lapang dengan menonton wayang dan menghadiri konsert. Lebih-lebih lagi ia dilakukan bersama-sama dengan wanita yang bukan mahram baginya iaitu Najwa.

Seterusnya, dalam masa yang sama Profesor Syed juga memperlekehkan nasihat yang diberikan oleh Ahmad Bukhari kepadanya. Nasihat yang ditujukan kepada beliau adalah untuk mengisi ruang masanya lebih ke arah yang baik iaitu pergi ke masjid bagi beramal ibadah kepada Allah SWT. Kedua-dua situasi ini dapat diteliti berdasarkan petikan skrip *Menunggu Lampu Hijau* di bawah ini.

AHMAD BUKHARI sebagai PROSESOR SYED MAHFUZ: Aku nak hidup macam orang biasa. Relaks. Pi tengok drama, tengok wayang, tengok konsert muzik. Dengan Najwa aku seronok buat semua tu. Dia perkenal aku kepada ...

(Hatta Azad Khan, 2015: 158-159)

AHMAD BUKHARI sebagai PROSESOR SYED MAHFUZ: Kau nak pimpin aku ke mana?

AHMAD BUKAHRI: Ke masjid!

AHMAD BUKHARI sebagai PROSESOR SYED MAHFUZ: Kau ingat aku dah nak mati? Kau ingat kalau aku dah tak ada, dia ...

(Hatta Azad Khan, 2015: 132)

Berdasarkan petikan skrip monodrama *Menunggu Lampu Hijau* tersebut, apa isu yang cuba penulis bangkitkan adalah bagi mengkritik masyarakat yang dilihat tidak lagi mengambil berat tentang soal agama dalam kehidupan seharian mereka. Mereka seolah-olah tidak sedar bahawa terdapat beberapa perkara yang mereka lalukukan ini tidak secara langsung mencerminkan pegangan agama dalam diri masing-masing. Sebagai seorang insan berkualiti yang bererti mempunyai pegangan agama yang utuh, individu tersebut haruslah berusaha memperbaiki diri dari semasa ke semasa agar tidak lagi melahirkan masyarakat yang tidak memandang remeh terhadap ajaran agama Islam khususnya.

#### 4.6 Kritikan terhadap masyarakat sering mencampuri hal orang lain

Prihatin dan peka terhadap orang sekeliling sememangnya satu amalan yang sangat dialukan dalam sebuah komuniti masyarakat. Ini adalah kerana bagi memastikan seseorang itu dapat bergaul dengan baik dengan orang disekitarnya. Namun begitu, sikap demikian mempunyai batasannya iaitu dengan tidak terlalu melebihi urusan orang lain sehingga boleh menyebabkan kemudaratan berlaku. Terutamanya dalam suasana hidup berjiran. Isu sebenar yang hendak difokuskan adalah kepada individu yang suka mencampuri hal orang lain secara lebih-lebihan. Budaya ini menjadi salah satu kritikan sosial masyarakat yang cuba ditonjolkan oleh Hatta Azad Khan dalam kalangan masyarakat Melayu menerusi karya skrip monodrama *Menunggu Lampu Hijau*. Ia dapat didapati melalui watak jiran kepada Ahmad Bukhari yang dikenalpasti sebagai 'batu api' dalam masalah keluarga besarnya.

Jiran kepada Ahmad Bukhari dikatakan telah mencampuri urusan dan masalah keluarga yang sedang dihadapi oleh mereka. Dia telah bertindak memerli Cik Sepia berkenaan isu anaknya iaitu Ahmad Bakti yang telah berpoligami dengan beberapa ibu tunggal. Dan disamping itu, telah mendapat beberapa orang cucu segera. Tindakan jirannya itu telah menyebabkan tercetusnya konflik diantara Cik Sepia dan Ahmad Bakti. Ia dapat dikenalpasti melalui keratan skrip berikut.

AHMAD BUKHARI sebagai JIRAN: Berbaloi kau tunggu begitu punya lama Sepia! Kau dapat dua belas cucu sekali gus!

AHMAD BUKHARI : Abang terus memujuk mak dengan macam-macam ayat yang power ...

(Hatta Azad Khan, 2015: 140)

Menurut petikan skrip yang dinyatakan tersebut, jelas menunjukkan bahawa sikap yang dimiliki oleh jiran Ahmad Bukhari itu sebagai masyarakat yang sering mencampuri hal orang lain tanpa menyedari batasan yang sepatutnya. Walaupun sebagai seorang yang sensitif dengan keadaan sekeliling, tidak seharusnya jirannya bertindak sedemikian. Hal ini dikatakan demikian kerana kesan tindakannya itu telah mendatangkan kesan yang buruk dan negatif kepada pihak lain. Individu tersebut ialah Cik Sepia itu sendiri bersama-sama dengan anaknya. Hatta Azad Khan memang secara terang mempamerkan kritikan sedemikian dalam skrip *Menunggu Lampu Hijau* kerana amalan itu sudah cukup menjelaskan realiti kehidupan generasi masyarakat Melayu pada hari ini.

#### 5. Rumusan dan cadangan

Kesimpulannya, kajian ini menganalisis tentang kritikan sosial masyarakat yang terdapat di dalam teks skrip monodrama *Menunggu Lampu Hijau*. Kesemua kritikan berikut adalah berdasarkan daripada perspektif Hatta Azad Khan sebagai seorang pengarang. Antara kritikan yang dimaksudkan ialah masyarakat yang menyalahgunakan budaya poligami, kritikan terhadap lelaki yang tidak bertanggungjawab, kritikan terhadap wanita bekerjaya yang tidak jalankan tanggungjawab dalam rumahtangga, kritikan terhadap masyarakat yang memandang serong kepada golongan ibu tunggal atau janda, kritikan terhadap masyarakat yang tidak menitikberatkan agama dalam kehidupan dan kritikan terhadap masyarakat yang sering

mencampuri hal orang lain. Umumnya, kritikan- kritikan sosial yang yang diketengahkan dalam kajian ini berlandaskan dan berkait rapat terhadap situasi serta realiti yang berlaku dalam masyarakat Melayu pada hari ini.

### **Rujukan**

- Adawiyah Ismail & Salasiah Hanin Hamjah. (2012). Kefahaman terhadap kedudukan wanita bekerjaya menurut Islam. *Jurnal al- Hikmah*, 4, 3-14.  
<http://journalarticle.ukm.my/6752/>
- Dayang Nurfarhana Binti Abang Kusairi. (2017.) *Sosiologi dalam Filem Lelaki Harapan Dunia* [Ijazah Sarjana Muda, Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Hatta Azad Khan. (2015). *OTG*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Madzlan Bin Abet. (2016). *Pemikiran Hatta Azad Khan dalam Teks Drama Muzikal Kampung Baru* [Tesis Dr. Falsafah, Universiti Malaya].
- Shaiful Bahri Md. Radzi. (2018). *Sains Sosial dan Kemanusiaan: Penyelidikan Kualitatif*. Global Mediastreet Sdn Bhd.
- Suraidah Binti Ambok Mangkek. (2017). *Sosiologi dalam Filem Werewolf dari Bangladesh* [Ijazah Sarjana Muda, Universiti Kebangsaan Malaysia].